

Hubungan Duta dibuka hari ini

KUALA LUMPUR 29 April – Hubungan Duta, iaitu laluan seksyen satu Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) yang menghubungkan Jalan Duta dan Jalan Kuching, akan dibuka kepada lalu lintas mulai esok.

Laluan sepanjang enam kilometer itu mampu memendekkan masa perjalanan pengguna dari Jalan Duta ke Sentul kepada tiga minit daripada kebiasaan 15 minit manakala laluan ke Ulu Klang kepada 8.5 minit daripada setengah jam.

“Hubungan Duta bermula selepas Plaza Tol NKVE akan memberi keselesaan perjalanan tanpa halangan dari Duta ke Sri Hartamas ke arah timur dan laluan hubungan terus dari kawasan sesak yang bersambung di Jalan Segambut, Jalan Kuching dan Jalan Sentul,” kata Pengarah Projek DUKE, Chua Soo Kok kepada kumpulan wartawan yang menyertai lawatan ke lebuhraya itu hari ini.

Chua berkata, laluan itu boleh dilalui oleh semua jenis lalu lintas selepas perasmian oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor, yang dijadualkan pukul 10 pagi esok.

Tol bagi laluan itu di Plaza Tol Batu akan mula mengenakan bayaran pada pukul 6 petang dengan kadar yang sama seperti yang dikenakan di plaza tol Ayer Panas dan Sentul, katanya.



HUBUNGAN Duta yang menyambungkan Lebuhraya DUKE dengan Jalan Duta yang boleh mula digunakan hari ini.

Chua berkata, keseluruhan projek lebuhraya itu menelan kos RM890 juta.

“Secara keseluruhan, DUKE mempunyai tiga hubungan utama, di mana setiap satu

seksyen mempunyai purata jalan enam kilometer dan mengambil masa kira-kira 7.5 minit sehingga 8.5 minit untuk setiap perjalanan,” katanya.

Hubungan Ulu Klang yang telah dibuka kepada lalu lintas sejak 9 Januari tahun ini, bersambung dengan Hubungan Duta dari arah timur merentasi jalan-jalan jejari seperti Jalan Semarak, Jalan Setiawangsa dan Jalan Ulu Klang/ MRR2.

Hubungan Karak yang juga mula dibuka sejak 9 Januari bermula dari Hubungan Duta/Ulu Klang dan di selatan pinggirannya yang berpusat di Batu Caves serta juga perjalanan jarak jauh ke Genting, Karak dan Pantai Timur.

Hubungan Ulu Klang dan hubungan Karak masing-masing mengenakan tol RM2 bagi kenderaan kelas satu, RM3 (kelas dua), RM4 (kelas tiga), RM1 bagi teksi dan 70 sen bagi bas, katanya.

Chua berkata, aspek keselamatan amat dititikberatkan pada lebuhraya DUKE dengan 12 kamera sistem pengawasan kawalan trafik dipasang di beberapa lokasi strategik sepanjang 18 kilometer lebuhraya itu yang berfungsi 24 jam.

“Selain CCTV (kamera litar tertutup), kami juga menyediakan kira-kira 12 orang kakitangan peronda bermotosikal yang meronda sepanjang lebuhraya sepanjang 24 jam. Dengan adanya rondaan yang berterusan kami dapat mengurangkan apa-apa kejadian yang tidak diinginkan,” katanya.

– BERNAMA